

# Kokurikulum mampu bentuk pelajar kembang bakat dan kemahiran: Taufiq

NST 19/12/19 8

**KOTA KINABALU:** Pengajuran Karnival Kokurikulum Universiti Malaysia Sabah (UMS) dilihat dapat menggalakkan penglibatan semua pelajar secara aktif bagi mengembangkan bakat dan kemahiran dalam membentuk modal insan yang cemerlang.

Menurut Naib Canselor Universiti Malaysia Sabah (UMS), Prof. Datuk Dr. Taufiq Yap Yun Hin, kokurikulum adalah satu platform di mana pelajar berpeluang untuk mengembangkan lagi bakat-bakat dan kemahiran seperti kemahiran insaniah, kemahiran bidang, dan kemahiran profesional.

"Aktiviti kokurikulum juga dapat membentuk pelajar yang kreatif dan inovatif dalam berfikir secara kritis dan mampu berhadapan dengan cabaran yang bakal dihadapi."

"Sehubungan itu, UMS melalui Pusat Kokurikulum dan Pemajuan Pelajar (PKPP) telah menawarkan pelbagai kursus yang mampu membuka peluang semua pelajar untuk mempelajari dan memperkuuhkan kemahiran insaniah serta membentuk pelajar yang holistik," katanya.

Jelas Prof. Datuk Taufiq lagi, melalui kursus ini juga sudah pastinya menyediakan diri pelajar dalam menjadi pemimpin yang mampu menghadapi perubahan yang berlaku kepada pembangunan negara dan seterusnya dapat membudayakan kemahiran sedemikian dalam hidup

seharian.

"PKPP juga menggalas tanggungjawab yang begitu besar dalam memenuhi hasrat universiti untuk memberikan pendidikan dan penguasaan pelajar dalam kemahiran bidang, kemahiran profesional dan kemahiran insaniah seperti timana yang dikehendaki dalam sektor pekerjaan," katanya ketika merasmikan Penutupan Karnival Kokurikulum Semester I Sesi 2019/2020 di Dataran Dewan Canselor UMS, baru-baru ini.

"Di sepanjang tempoh pengajian, para pelajar akan diasuh, dipupuk dan dibimbing dengan pengetahuan holistik melalui sembilan teras, iaitu kepimpinan jati diri, kemasyarakatan, kesukanan, sosial, rekkreasi dan riadah, keusahawanan, inovasi dan kreativiti, seni dan budaya serta pengucapan awam," tambahnya lagi.

Sebanyak 74 kursus kokurikulum yang diambil pelajar UMS terlibat sepanjang dua hari karnival berlangsung dengan menyajikan beberapa aktiviti seperti pameran aktiviti pelajar, senam aerobik mega, karaoke, e-sukan, derma darah, pemeriksaan kesihatan dan sebagainya.

Turut hadir ke majlis tersebut, Timbalan Naib Canselor Hal Ehwal Pelajar dan Alumni UMS, Prof. Dr. Raman Noordin; Pengarah PKPP, Dr. Hasnool Noordin dan Pengarah Program Karnival Kokurikulum, Mohd Nurrusydi Izzat bin Abdul Seit.



MESRA... Taufiq (tiga dari kanan) beramah mesra bersama pelajar.



SIMBOLIK PERASMIAN... Taufiq (empat dari kanan) ketika merasmikan Karnival Kokurikulum

